

24 OCT 1996

Mahathir-IWK

RAKYAT PATUT BERTERIMA KASIH IWK HENTI KUTIPAN CAJ, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 24 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat patut berterima kasih kepada Indah Water Konsortium (IWK) kerana memberhentikan sementara pungutan caj pembedaan di enam negeri mulai 1 Nov.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa IWK sendiri yang membuat keputusan itu bagi menyusun semula sistem pengeluaran bil dan akaun pelanggannya sementara menunggu keputusan kerajaan berhubung dengan kajian semula perkhidmatan pembedaan itu.

"IWK dengan sendirinya membuat keputusan untuk tidak mengutip bayaran sementara ia menyusun semula perkhidmatan," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan bangunan baru Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian) di sini.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa mengikut perjanjian, IWK sebenarnya berhak mengutip bayaran sama ada perkhidmatan diberikan ataupun tidak.

"Ucaplah terima kasih. Di Malaysia bila orang bagi sesuatu, dia bukannya mengucapkan terima kasih sebaliknya dia menggigit tangan kita pula."

Dr Mahathir berkata, IWK yang kini dikendalikan pemilik baru memerlukan masa untuk menyusun struktur organisasinya dan membetulkan kelemahan yang berlaku.

"Orang baru ini berhasrat hendak membetulkan keadaan. Katalah terima kasih," katanya ketika menegur sikap segolongan masyarakat yang, katanya lebih cenderung untuk mengkritik kelemahan orang lain daripada memberikan peluang pihak berkenaan membaiki keadaan.

Semalam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dilaporkan berkata bahawa IWK diarah memberhentikan pungutan caj pembedaan selama dua bulan mulai 1 Nov di Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Melaka, Perlis dan Pulau Pinang.

Menurutnya, arahan itu hanya membabitkan negeri-negeri yang telah menerima bil perkhidmatan itu sejak Disember 1994.

Sementara itu, IWK dalam kenyataan akhbar yang diedarkan pada persidangan berita berkata syarikat akur dengan keputusan kerajaan itu.

Menurut Pengerusi Eksekutif IWK, Datuk Wan Adli Wan Ibrahim, syarikat itu telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dalam proses kajian semula tersebut.

Katanya: "IWK yakin kajian semula itu akan menyentuh kepentingan pengguna dan terma-terma akan lebih adil."

Beliau memberi jaminan bahawa penggantungan sementara (pungutan caj) itu tidak akan menjejaskan perkhidmatan pembedaan yang diberikan oleh IWK.

Katanya, IWK akan terus menyenggara dan mengendalikan kesemua 3,300 loji rawatan pembedaan awam, menyenggara rangkaian pembedaan awam sepanjang 4,770 km dan menyediakan perkhidmatan pembersihan tangki najis dan perkhidmatan pembedaan yang berkaitan.

Mengenai tunggakan, Wan Adli berkata kerajaan akan membuat keputusan muktamad mengenainya apabila terma kajian semula itu diumumkan oleh kerajaan nanti.

Katanya, IWK berharap untuk memungut kembali caj pembedaan mulai 1 Jan berdasarkan kajian semula kerajaan itu yang dijangka diumumkan sedikit masa lagi. -- BERNAMA

MZM MFJ NMO